

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S61/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 4 Dan 5, Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)	CIDB G2	CE01 & CE21	RM150.00	30 April 2025 Hingga 14 Mei 2025
MPKj S62/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 6, 7 Dan 8, Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S63/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 24, (Bandar Sri Putra Dan Bandar Bukit Mahkota) Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S64/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 24, Bangi, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S65/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 12, 21 Dan 23, Semenyih Dan Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S66/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 3, 9 Dan 11, Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S67/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 9, 10, 12, 13, 14 Dan 15, Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S68/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 16, 17 Dan 18, Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S69/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 1 Dan 2, Cheras Dan Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				
MPKj S70/2025	Cadangan Perlantikan Panel Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Di Zon 19, 20 Dan 22, Semenyih Dan Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor (1 Tahun)				

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my/ms/> .

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **30 APRIL 2025 HINGGA 14 MEI 2025**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 14 MEI 2025 (RABU) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.